

PENGAMALAN NILAI TAKWA SEBAGAI ELEMEN PEMBINAAN JATI DIRI DALAM KALANGAN MAHASISWA MUSLIM DI IPT

Abu Zarrin Selamat¹, Abd Malek Selamat², Mohd Azli Adnan³, Hafizul Fahri Hanafi⁴ & Khairunnisa A Shukor⁵

^{1&5}Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

²Pusat Tingkatan Enam, SMK Proton City, Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

³Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin,
Arau, Perlis, MALAYSIA

⁴Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

zarrin@fsk.upsi.edu.my

Published: 30 December 2021

To cite this article (APA): Selamat, A. Z., Selamat, A. M., Adnan, M. A., Hanafi, H. F., & A Shukor, K. (2021). Pengamalan Nilai Takwa sebagai Elemen Pembinaan Jati Diri dalam Kalangan Mahasiswa Muslim Di IPT. *Firdaus Journal*, 1(1), 103-112. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol1.1.10.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol1.1.10.2021>

ABSTRAK

Mengkaji elemen penghayatan takwa sebagai elemen teras pembinaan jati diri dalam kalangan mahasiswa muslim Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merupakan satu kajian penting bagi melihat tahap kefahaman mereka terhadap konsep takwa yang menjadi paksi kepada kedudukan seseorang manusia di sisi Allah SWT. Keberadaan elemen takwa dalam diri akan membawa seseorang muslim itu senantiasa dalam kondisi berwaspada ketika membuat keputusan dalam kehidupan. Melihat kepada produk UPSI dalam melahirkan tenaga pendidik memungkinkan kajian ini dilakukan agar dapatan kajian ini dapat dijadikan asas kepada keberhasilan produk UPSI yang benar-benar baik dan berkualiti dalam memacu dunia pendidikan negara. Kajian tinjauan ini menggunakan metode kuantitatif di mana terdapat 4 objektif kajian telah ditetapkan menerusi soal selidik yang diedarkan menggunakan kaedah dalam talian. Kajian ini telah menggunakan seramai 647 orang sampel dalam kalangan mahasiswa muslim UPSI dari pelbagai fakulti, bidang pengajian dan semester. Dapatan kajian pada konstruk Tahap Kefahaman Konsep Takwa Dalam Kalangan Mahasiswa Muslim UPSI berada pada tahap tinggi dengan min 4.49. Dapatan konstruk Pengamalan Takwa Dalam Kehidupan Harian Mahasiswa Islam UPSI (Dalam Konteks Ibadah) juga adalah tinggi iaitu pada min 3.88. Dapatan pada konstruk Pengamalan Takwa Dalam Kehidupan Harian Mahasiswa Islam UPSI (Dalam Konteks Akhlak) juga berada pada tahap tinggi iaitu min 4.19. Sementara pada konstruk terakhir iaitu Kesan Takwa Dalam Menentukan Tindakan Dan Keputusan Terhadap Kehidupan Pelajar Islam Di UPSI juga berada pada tahap yang tinggi iaitu min 4.46. Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman mahasiswa Islam UPSI terhadap konsep takwa adalah tinggi dengan memperoleh min keseluruhan sebanyak 4.25.

Kata kunci: tahap kefahaman, takwa, mahasiswa muslim UPSI

PENGENALAN

Takwa merupakan aset bernilai dalam kehidupan seorang muslim. Kemuliaan seseorang di sisi Allah SWT adalah bergantung kepada kualiti ketakwaan. Seseorang yang memiliki ketakwaan yang padu akan menjadi seorang muslim yang sentiasa taat kepada ajaran Islam. Kehidupan seseorang yang bertakwa penuh dengan kebahagiaan dan kedamaian. Segala kesulitan dan kesenangan yang diterima akan dihadapi dengan sifat sabar dan syukur. Tiada istilah kecewa, putus asa, tekanan dan lupa diri sepanjang mengurus kehidupan. Keyakinan kepada Allah SWT berasaskan takwa akan menjadikan seseorang lebih bergantung harap dan tawakal sepenuhnya kepada ketentuan Allah SWT.

Secara etimologinya, takwa membawa maksud ketaatan kepada perintah dan larangan Allah kerana takut, kasih dan hormat kepadaNya (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Bersandarkan kepada surah al-Nisa, ayat 1 yang bermaksud "wahai manusia takutlah kepada tuhan kamu", al-Razy (2000) mendefinisikan takwa kepada rasa takut (*al-khasyyah*). Selain itu al-Razy juga telah memberi maksud takwa kepada iman, taubat, taat, meninggalkan maksiat dan ikhlas. Sementara menurut epistemologi pula, Saidina Ali bin Abi Talib telah memberi maksud takwa ialah tidak mengulang perbuatan maksiat dan tidak terpedaya dengan merasa puas melakukan ketaatan. Saidina Ali juga ada kalanya memberi maksud takwa kepada rasa takut kepada Allah, mengamalkan al-Quran, *qana'ah* (merasa cukup) dengan yang sedikit, dan bersiap-siap untuk hari kematian (al-Shalaby, 2005). Sayid Qutb (2004) dalam menterjemahkan ayat 18 dari surah al-Hasyr mendefinisikan takwa kepada keadaan di dalam hati yang membuat hati menjadi hidup, peka, merasakan kehadiran Allah dalam setiap waktu, merasa takut, berat dan malu dilihat Allah melakukan yang dibenci-Nya. Secara tuntasnya, pengeritan takwa membawa maksud rasa takut orang beriman kepada Tuhannya yang didasari oleh ilmu, senantiasa tetap dalam ketaatan kepadanya dengan melakukan (segala) kewajiban dan perbuatan-perbuatan yang dapat mendekatkan diri pada-Nya, serta menjauhi semua larangan, untuk mengharapkan pahala-Nya dan keselamatan dari balasan-Nya. Ini sejajar dengan firmah Allah dalam surah al-Hujurat, ayat 13 yang bermaksud "bahawa manusia yang paling mulia di sisi Tuhan adalah yang paling bertakwa".

Peri pentingnya elemen takwa perlu ada dalam diri umat Islam, Allah telah menyebut sebanyak 258 kali ayat yang membawa maksud takwa (Nandani Rahayuningtiyas, 2019) dalam al-Quran dalam konteks yang bermacam-macam seperti *fi'il madhi*, *fi'il mudhari'*, *fi'il amar masdar* dan *isim faail*.

Takwa menurut al-Qur'an dan al-Hadis adalah membawa pengertian yang pelbagai seperti perasan takut (Rashid Redha, 1997) kepada Allah SWT. Ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 4 yang bermaksud: *Dan berimanlah kamu kepada apa yang telah Aku turunkan (al Qur'an) yang membenarkan apa yang ada padamu (Taurat), dan janganlah kamu menjadi orang yang pertama kafir kepadanya, dan janganlah kamu menukarkan ayat-ayat-Ku dengan harga yang rendah, dan hanya kepada Akulah kamu harus bertakwa.*

Selain itu takwa juga membawa maksud pengabdian iaitu taat, patuh, bersyukur dan berzikir dalam hidup dengan ikhlas kerana Allah SWT (al-Sobuni, 1999). Maksud ini boleh dirujuk pada ayat 102 dalam surah Ali Imran yang bermaksud: *Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepada-Nya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam.*

Takwa juga membawa erti kawalan diri iaitu usaha gigih untuk membersihkan hati dari noda dan dosa (Rahman, Fazlur. 1999). Pengertian ini terkandung dalam surah al-Nur ayat 52 yang bermaksud: *Dan barang siapa yang taat kepada Allah dan rasul-Nya dan takut kepada Allah dan bertakwa kepada-Nya, maka mereka adalah orang-orang yang mendapat kemenangan.*

Takwa juga diertikan sebagai takut, kawal diri dan taat seperti yang disebutkan dalam hadis di bawah (Nawawi, 1998) yang bermaksud: *Dari Abu Dzarr Jundub bin Junadah dan Abu 'Abdirrahman Mu'adz bin Jabal radhiyallahu 'anhuma, dari Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam, beliau bersabda, "Bertakwalah kepada Allah di mana pun*

engkau berada; iringilah perbuatan buruk dengan perbuatan baik, maka kebaikan akan menghapuskan keburukan itu; dan pergaulilah manusia dengan akhlak yang baik.”

Berdasarkan dalil-dalil di atas, maka takwa boleh dirumuskan kepada maksud kualiti iman yang didasari dengan ketakutan kepada Allah SWT. Seseorang yang bertakwa akan istiqamah melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya dengan ikhlas. Semuanya dilaksanakan bagi membersihkan diri dari segala dosa, maksiat dan meraih kemuliaan di sisi Allah SWT.

Berdasarkan kepada penjelasan elemen-elemen takwa di atas jelas menunjukkan bahawa isu kemenjadian pelajar yang seimbang amat dititikberatkan dalam usaha membentuk warga dan bangsa yang harmonis dan hidup rukun damai berpaksi kepada keteguhan rukun iman yang mantap dalam sanubari pelajar. Hal ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mahu melahirkan pelajar yang seimbang di antara elemen jasmani, emosi, rohani dan intelektual tambahan pula kondisi populasi di Malaysia adalah bersifat rencam dari sudut agama, bangsa, bahasa dan budaya (Abu Zarrin Selamat, 2020). Matlamat akhir Falsafah Pendidikan Negara (FPN) iaitu untuk mencapai kemakmuran dan keharmonian rakyat berbilang kaum. Matlamat akhir yang disasarkan dalam Falsafah Pendidikan Negara ialah mahu melahirkan insan yang baik, percaya kepada Tuhan berilmu, berketerampilan, berpengetahuan, bertanggungjawab, berakhlak mulia, memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum dan sahsiah yang seimbang dan sepadu (Abu Zarrin Selamat, 2014). Pengkaji melihat bahasa kombinasi bahawa kombinasi di antara elemen-elemen takwa dan FPK mampu untuk melahirkan pelajar khususnya dan rakyat Malaysia umumnya terhadap pembentukan nilai moral dan akhlak yang tinggi dan bertamadun.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dihasilkan oleh pengkaji untuk membuktikan konsep takwa yang terkandung dalam al-Qur'an sangat mempengaruhi kehidupan manusia sama ada dari sudut pemikiran, sikap dan tingkah laku. Segala keputusan dan tindakan yang akan diambil oleh seseorang adalah berdasarkan kualiti ketakwaan yang dimiliki ketika itu. Andai mantap takwanya, maka mantaplah keputusannya begitulah juga sebaliknya. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan 3 objektif seperti berikut:

1. Mengetahui tahap kefahaman pelajar Islam di UPSI terhadap konsep takwa.
2. Mengetahui tahap pengamalan takwa dalam konteks ibadah dan akhlak harian pelajar Islam di UPSI.
3. Mengetahui kesan takwa dalam menentukan tindakan dan keputusan terhadap kehidupan pelajar Islam di UPSI.

PERSOALAN KAJIAN

Sehubungan dengan itu, tiga persoalan utama telah diutarakan oleh penulis bagi mendasari kajian ini.

1. Adakah tahap kefahaman pelajar Islam di UPSI terhadap konsep takwa.
2. Bagaimana pengamalan takwa dalam konteks ibadah dan akhlak harian pelajar Islam di UPSI.
3. Adakah elemen takwa memberi kesan dalam menentukan tindakan dan keputusan terhadap kehidupan pelajar Islam di UPSI.

MATLAMAT KAJIAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk.

1. Membuktikan kedudukan konsep takwa yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadis mampu memberikan impak yang signifikan kepada setiap tindakan seseorang.
2. Membuktikan kedudukan takwa memberikan suatu pengaruh yang besar dalam aspek ibadat dan akhlak seseorang.
3. Membuktikan kedudukan takwa yang memberikan kesan langsung kepada setiap tindakan seseorang dalam kehidupan seharian.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting bagi menghasilkan dapatan yang boleh menjadi rujukan kepada kajian seterusnya berkaitan kesan takwa dalam kehidupan. Pengkaji merasakan bahawa elemenelemen takwa yang dibincangkan mampu menjadi wahana dalam usaha membentuk jati diri pelajar yang kental agar keperibadian unggul dapat dibina seterusnya penerapan nilai moral dan akhlak yang tinggi dapat dihasilkan. Item yang digunakan dalam instrumen ini lebih fokus kepada aspek-aspek asas yang boleh diberikan respon segera oleh responden berkaitan tahap kefahaman, ibadat, akhlak serta kesan takwa.

Kajian ini juga menjelaskan aspek-aspek keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan remaja yang berpunca dari ketirisan elemen takwa tersebut. Justeru itu, dapatan kajian ini diharap mampu dijadikan asas kepada membina langkah-langkah intervensi yang bersepadu bagi merancang sesuatu dasar yang bersesuaian dalam usaha menyelamatkan generasi muda negara dari defisit sosial dan moral yang berlarutan.

Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi pelengkap kepada kajian-kajian sedia ada bagi tujuan penambahbaikan yang mampu memberi impak kepada agenda membangunkan generasi muda negara. Tegasnya, generasi muda perlu dipimpin dengan menggunakan satu mekanisma yang komprehensif dan bersepadu agar mampu menjadi modul kepada pembentukan generasi kalis masa depan yang serba serbi mengancam pembentukan dan penerapan nilai-nilai etika dan estetika kemoralan.

Diharapkan kajian ini dapat menjadi rujukan kepada menambah baik kurikulum Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral sedia ada atau yang bakal digubal. Dapatan dalam kajian ini dihaapkan mampu menyingkap faktor-faktor yang boleh memberikan fokus dan intervensi yang sewajarnya agar generasi muda yang hendak dibentuk dan dilentur ini mampu menggalas tanggungjawab untuk mewarisi kemakmuran dan peradaban yang telah dikecapi selama ini.

KAJIAN LEPAS

Berdasarkan pengamatan pengkaji berkaitan tajuk takwa, terlalu banyak kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji dan penulis sebelum ini namun, masih belum ada tajuk seumpamanya secara khusus dilakukan ke atas remaja dalam kalangan mahasiswa UPSI. Tajuk-tajuk kajian adalah berkisar kepada konsep takwa dan kesannya kepada psikolog dan pendidikan. Kedapatan juga kajian melihat kualiti amalan cara hidup beragama dalam kalangan generasi muda.

Dr. Nooraini Othman pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia telah membuat kajian berkaitan *Taqwa dan Keimanan dari aspek Psikologi dan Pendidikan*. Ini adalah kajian perpustakaan dan deskriptif tanpa melibatkan pensampelan. Penulis telah menggunakan *Ummatic Personality Inventori* (UPI) bagi menilai status responden bagi melihat kualiti Takwa dan Keimanan dari aspek Psikologi dan Pendidikan.

Dapatan menunjukkan terdapat faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kualiti ketakwaan seseorang.

Kajian yang dilakukan oleh Nazneen Ismail et.all (2019) yang berjudul *Pengamalan Hidup Beragama dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia* antara kajian yang hampir sama tetapi berbeza persoalan kajiannya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia. Fokus kajian ini adalah untuk melihat amalan hidup beragama yang melibatkan akidah, ibadah dan akhlak. Dapatan menunjukkan amalan beragama masih tinggi dalam kalangan mahasiswa Istitut Pengajian Tinggi Islam.

Terdapat juga kajian yang mirip dengan kajian ini namun ianya telah dilakukan di Politeknik Ungku Omar Ipoh. Kajian Seri Kartini Jurami dan Fariza Md Sham (2013) yang bertajuk *Pengamalan Agama Islam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar* yang menyentuh secara khusus tentang tahap pengamalan ajaran agama Islam dari sudut akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar di Politeknik Ungku Omar. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan ajaran agama Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar adalah baik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana data diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar yang menuntut di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini akan menggunakan 100% populasi pelajar Ijazah Sarjana Muda dari 9 fakulti yang sedang menuntut di USPI iaitu seramai 20,014 orang. Daripada jumlah populasi tersebut sejumlah 647 orang pelajar yang berada pada semester satu hingga semester lapan menjadi sampel kepada kajian ini. Menurut Morgan and Kriejcie (1971) sekiranya jumlah populasi seramai 20,000 orang maka sampel yang perlu dijadikan responden hanya seramai 377 orang pelajar sahaja. Namun, sampel yang berjaya diperolehi dalam kajian ini adalah seramai 647 orang pelajar iaitu 171% lebih tinggi daripada had yang telah diberikan.

Set soal selidik yang diedarkan kepada responden menggunakan Google Form mengandungi 4 konstruk dan 41 item yang perlu dijawab berpandukan 5 skala likert. Data-data soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS version 23.0 bagi mendapatkan peratusan dan min.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian terhadap empat objektif adalah seperti berikut:

1. Mengetahui Tahap Kefahaman Pelajar Islam Di UPSI Terhadap Konsep Takwa.

No	ITEM	%	Min
1	Saya faham maksud takwa ialah berasa takut kepada Allah	92.89	4.55
2	Saya sering melaksanakan segala suruhan Allah SWT	86.25	4.19
3	Saya sering menjauhi tegahan Allah SWT	78.82	4.10
4	Saya faham bahawa takwa mengandungi unsur-unsur takut, harap, sabar dan syukur	94.43	4.60
5	Saya faham bahawa takwa merupakan perisai diri daripada perbuatan	97.68	4.77
6	maksiat		
7	Takwa boleh diperolehi melalui usaha beramal ibadah tanpa jemu secara berterusan	97.22	4.73
Peratus dan Min Keseluruhan		91.21	4.49

Tabel 1. Tahap kefahaman pelajar Islam UPSI terhadap konsep Takwa

Pengamalan Nilai Takwa sebagai Elemen Pembinaan Jati Diri dalam Kalangan Mahasiswa Muslim Di IPT

Dapatan kajian pada konstruk pertama menunjukkan sejumlah 91.21% pelajar Islam di UPSI memahami konsep takwa seperti yang diajukan dalam item soalan. Peratusan pada setiap item juga memaparkan dapatan yang tinggi sama ada pada peratusan ataupun min. Meskipun begitu, item 3 menunjukkan dapatan agak rendah di mana hanya 78.82% sahaja responden faham keperluan untuk menjauhi tegahan Allah SWT.

2. Mengenal Pasti Pengamalan Takwa Dalam Kehidupan Harian Pelajar Islam UPSI (Dalam Konteks Ibadah)

No	ITEM	%	Min
1	Saya bersolat penuh 5 waktu sehari semalam	87.64	4.43
2	Saya bersolat Jumaat setiap minggu (Sebelum dikuatkuasakan PKP)	56.72	3.50
3	Saya sering bersolat sunat rawatib (contoh: solat sunat sebelum dan selepas solat fardhu)	28.90	3.08
4	Saya sering bersolat sunat selain sunat rawatib (contoh: tahajjut, hajat, taubat, witr dan lain-lain)	42.04	3.37
5	Saya sering membaca al-Qur'an	73.11	4.00
6			
7	Saya sering memberi sedekah	74.34	3.98
8	Saya berpuasa penuh di bulan Ramadan	85.78	4.43
9	Saya sering berpuasa sunat	49.46	3.49
10	Saya sering berzikir	68.63	3.88
11	Saya berdoa setiap hari	92.73	4.62
	Peratus dan Min Keseluruhan	65.94	3.88

Tabel 2. Pengamalan Takwa Dalam Kehidupan Harian Pelajar Islam UPSI (dalam konteks ibadah).

Dapatan kajian pada konstruk kedua di atas menunjukkan tanda-tanda kebimbangan di mana hanya 65.94% pelajar Islam UPSI yang mengamalkan elemen ibadah dalam kehidupan seharian mereka. Namun, jika diteliti dengan rapi peratusan tersebut tidak boleh digeneralisasikan kerana sejumlah 70.17% responden adalah dalam kalangan pelajar perempuan. Hal yang demikian adalah kerana tentunya pelajar perempuan tidak boleh melakukan beberapa ibadah sama ada fardhu dengan lengkap ataupun ibadah sunat disebabkan oleh faktor keuzuran kecuali pada item 6, 9 dan 10.

3. Mengenal Pasti Pengamalan Takwa Dalam Kehidupan Harian Pelajar Islam Upsi (Dalam Konteks Akhlak)

No	ITEM	%	Min
1	Saya sering bercakap benar	76.35	3.99
2	Saya sering membantu orang yang dalam kesusahan	87.02	4.26
3	Saya sering menjauhi pergaulan bebas	80.68	4.20
4	Saya sering berhati-hati memilih kawan	89.80	4.50
5	Saya sering mengawal kemarahan	69.55	4.00
6	Saya sering memaafkan kesalahan orang lain	83.17	4.23
7	Saya sering menolak ajakan kawan yang bertentangan dengan agama	81.30	4.27
9	Saya tidak pernah melakukan zina	80.68	4.29
	Saya tidak pernah mencuri	79.48	4.18

10	<i>Saya tidak pernah berjudi</i>	93.66	4.74
11	<i>Saya tidak pernah mengambil bahan yang memabukkan</i>	95.68	4.81
12	<i>Saya tidak pernah menonton video porno</i>	69.09	3.96
13	<i>Saya tidak pernah melakukan onani</i>	72.79	4.09
14	<i>Saya tidak pernah menderhaka kepada ibubapa</i>	67.54	3.87
	Peratus dan Min Keseluruhan	80.49	4.24

Tabel 3. Pasti Pengamalan Takwa Dalam Kehidupan Harian Pelajar Islam Upsi (Dalam Konteks Akhlak).

Dalam konstruk ketiga pula, dapatan keseluruhan kajian menunjukkan bahawa sejumlah 80.49% responden mengamalkan elemen perlakuan akhlak yang baik dalam kehidupan seharian mereka. Daripada nilai tersebut terdapat 3 item yang mendapat peratusan di bawah 70% iaitu item 5 (69.55%), item 12 (69.09%) dan item 14 (67.54%) yang berkisar tentang pengawalan perasaan marah, menonton video porno dan menderhaka kepada ibubapa. Daripada ketiga-tiga item tersebut menunjukkan bahawa sejumlah 30.45% pelajar Islam UPSI tidak mampu mengawal perasaan marah, 30.91% pernah menonton video porno dan 32.46% pernah menderhaka kepada kedua ibubapa mereka. Dapatlah disimpulkan di sini bahawa pengamalan nilai takwa dalam konteks akhlak, pelajar Islam UPSI tidak mencapai tahap yang cukup cemerlang pada keseluruhan item di mana hanya dua item sahaja yang mencapai lebih 90% iaitu pada item 10 dan 11 yang mana peratusan masing-masing ialah 93.66% dan 95.68%. Konstruk ketiga ini sangat penting untuk dilihat kerana ia merupakan intepretasi kepada konstruk pertama dan kedua.

4. Mengenal Pasti Kesan Takwa Dalam Menentukan Tindakan Dan Keputusan Terhadap Kehidupan Pelajar Islam Di Upsi

No	ITEM	%	Min
1	<i>Saya sentiasa mengingati kematian</i>	90.11	4.41
2	<i>Saya sentiasa berfikir baik dan buruk sebelum melakukan sesuatu</i>	92.58	4.47
3	<i>Saya sentiasa mendahulukan hukum agama daripada dorongan nafsu</i>	79.45	4.57
4	<i>Saya sentiasa merasa cukup dengan apa yang dimiliki</i>	80.99	4.18
5	<i>Saya sentiasa merasa malu bila melakukan perbuatan dosa</i>	93.66	4.57
6	<i>Saya sentiasa prihatin kepada hukum halal dan haram</i>	93.20	4.55
7	<i>Saya sentiasa bersabar bila diuji dengan dugaan</i>	85.78	4.30
8	<i>Saya sentiasa bersyukur bila diberikan kesenangan</i>	96.13	4.63
9	<i>Saya sentiasa insaf bila mendengar tazkirah</i>	94.28	4.61
10	<i>Saya sentiasa merasa takut kepada Allah di mana berada</i>	94.13	4.59
	Peratus dan Min Keseluruhan	90.03	4.45

Tabel 4. Kesan Takwa Dalam Menentukan Tindakan Dan Keputusan Terhadap Kehidupan Pelajar Islam Di Upsi.

Konstruk keempat merupakan satu elemen yang mengkaji tentang impak takwa yang mengesan kepada diri responden. Ia merujuk kepada kesedaran, pengetahuan dan karakter sedia ada dalam diri responden itu sendiri hasil daripada elemen-elemen takwa yang dipelajari mahupun dipupuk. Dapatan pada konstruk keempat menunjukkan bahawa 90.03% responden mengatakan bahawa elemen takwa memberi kesan kepada mereka dalam menentukan sebarang tindakan yang hendak dilakukan dalam kehidupan mereka. Meskipun begitu terdapat satu item yang mendapat peratusan yang rendah berbanding dengan item-item lain iaitu item yang ketiga dengan peratusannya ialah 79.45%. Dapatan ini menunjukkan bahawa sejumlah 20.55% pelajar Islam UPSI tidak mampu mengawal nafsu daripada mendahulukan hukum agama dalam kehidupan mereka.

Tuntasnya, keempat-empat konstruk yang telah diuji telah menunjukkan dapatan kajian yang sangat baik iaitu sejumlah 81.92% pelajar Islam UPSI mengamalkan nilai takwa dalam kehidupan seharian mereka. Meskipun tidak berada pada tahap 90%, pada hemat pengkaji pencapaian ini sedikit terganggu disebabkan oleh dapatan pada konstruk kedua yang sangat rendah iaitu 65.04% disebabkan oleh terdapatnya 70.17% dalam kalangan responden adalah pelajar perempuan.

PERBINCANGAN

Kajian pengamalan nilai takwa dalam kalangan pelajar Islam UPSI ini dilakukan adalah untuk melihat tahap pencapaian nilai takwa terhadap empat konstruk kajian yang telah ditetapkan di awal penulisan. Kajian ini penting untuk dilakukan bagi melihat pengamalan nilai takwa dalam kalangan produk UPSI yang bakal keluar sebagai pendidik seperti guru dan pensyarah sama ada benar-benar berkualiti ataupun tidak menurut perspektif Islam. Perbincangan keempatempat konstruk adalah seperti berikut.

Pada konstruk pertama dapatan menunjukkan tahap pengetahuan pelajar Islam terhadap konsep takwa pada tahap yang sangat cemerlang iaitu 91.21% dengan min 4.49. Konstruk pertama ini merupakan tahap awal dalam usaha mengukur tahap pengetahuan pelajar Islam UPSI terhadap pengamalan nilai takwa dalam diri pelajar. Meskipun peratusan pada konstruk pertama ini adalah cemerlang namun perlu dibimbangi juga kerana masih terdapat 8.79% pelajar UPSI tidak tahu terhadap konsep takwa. Faktor globalisasi, modernisasi dan hegemoni Barat melalui pelbagai cara telah menyebabkan berlakunya ketirisan nilai takwa remaja masa kini termasuk pelajar UPSI. Hal ini ditambah dengan cara hidup yang tidak menitik beratkan elemen agama menjadi antara faktor kepada golongan remaja tergelincir nilai takwa dalam hidup.

Pada konstruk kedua menunjukkan peratus keseluruhan pelajar yang mengamalkan ibadah sama ada ibadah khusus mahupun umum adalah pada tahap sederhana di mana hanya 65.94% dengan min 3.88. Peratusan dan min ini menunjukkan bahawa pengamalan nilai takwa dalam kehidupan seharian pelajar Islam UPSI adalah kurang memuaskan. Sungguhpun begitu, peratusan rendah tersebut turut disebabkan oleh faktor jantina di antara lelaki dan perempuan di mana umum mengetahui bahawa golongan perempuan tidak boleh melakukan ibadah sama ada khusus atau umum ketika dalam keadaan uzur yang dibenarkan dalam syarak.

Dapatan pada konstruk ketiga memaparkan peratusan keseluruhan adalah tinggi di mana 80.49% pelajar muslim UPSI secara keseluruhannya mengamalkan nilai-nilai akhlak yang baik di samping mengelakkan diri dari melakukan amalan-amalan yang ditegah oleh Islam seperti zina, judi, arak, mencuri, onani dan menderhaka kepada ibu bapa. Meskipun peratusan keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi, namun jika dilihat kepada peratusan keseluruhan bagi amalan buruk yang dilakukan oleh pelajar muslim UPSI juga agak membimbangkan iaitu 19.51%. Jika dilihat pada dapatan item 8 iaitu 80.68% pelajar tidak pernah berzina tetapi 19.32% pernah berzina, item 9 iaitu 79.48% pelajar tidak pernah mencuri tetapi 20.52% pernah mencuri dan begitu juga pada item-item yang lain.

Sementara pada konstruk yang terakhir pula memaparkan peratus keseluruhan berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu 90.03% pelajar muslim UPSI sedar bahawa elemen takwa yang ada dalam diri mampu memberi kesan kepada tindakan yang dilakukan dalam urusan seharian mereka. Konstruk keempat ini merupakan manifestasi daripada konstruk-konstruk yang telah dinyatakan sebelum ini di mana kesan daripada penguasaan dalma memahami konsep takwa dan mengamalkan elemen takwa dalam kehidupan seharian telah berjaya mengesan kepada pelajar dalam konteks membuat keputusan dan tindakan.

Hasil daripada perbincangan keempat-empat konstruk di atas jelas menunjukkan bahawa tahap pengamalan nilai takwa dalam kalangan mahasiswa muslim UPSI adalah sangat baik di mana 81.92% mahasiswa muslim UPSI mengamalkan nilai takwa dalam kehidupan mereka seharian. Peratusan keseluruhan ini mungkin boleh dipertingkatkan lagi dengan dilakukan beberapa program atau aktiviti khusus yang menyentuh tentang bagaimana hendak memperkasakan elemen atau nilai takwa dalam kalangan mahasiswa muslim di UPSI.

KESIMPULAN

Sesungguhnya nilai takwa memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha untuk melahirkan generasi muda yang berakhlak mulia sekali gus dapat membina sebuah negara yang diberkati dan dirahmati Illahi. Hal ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 96 yang bermaksud: *Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*

Meskipun kajian ini dijalankan ke atas golongan terpelajar di institusi pengajian tinggi namun, ianya tidak menjanjikan amalan takwa akan dilakukan secara automatik bahkan menurut Hasna Bidin (2015) ramai dalam kalangan golongan yang berpendidikan tinggi tidak melaksanakan atau konsisten dalam melakukan ibadah solat. Tambahan pula mahasiswa UPSI merupakan bakal graduan yang akan berkhidmat sebagai pendidik sama ada di institusi pendidikan dalam negara dalam mendidik anak bangsa agar menjadi warga yang berilmu, beramal dan bertakwa.

PENGHARGAAN

Pengkaji merupakan penerima geran penyelidikan FRGS/1/2020/SS0/UPSI/02/6 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berjumlah RM74090.00. Pengkaji juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, UPSI dan Fakulti Sains Kemanusiaan di atas pemberian geran penyelidikan yang diberi.

RUJUKAN

- Al-Razy, F.M.U.T. (2000). Mafatih al-Ghaib, Cet. I, Dar al-Kutub al-Ilmiyah
Al-Shalaby, A.M.M. (2005). Siratu Amir al-Mu'minin Ali bin Abi Thalib, Cet. I.
Fazlur R. (1999). *Major Themes Of The Qur'an*: Bibliatheca Islamica. Minnieapolis.
Ghaffar, A. K. A., Ashaari, M. F., & Umar, A. (2013). Jati diri kebangsaan dalam falsafah Pendidikan Islam. *Al-Hikmah*, 5, 18-32.

Pengamalan Nilai Takwa sebagai Elemen Pembinaan Jati Diri dalam Kalangan Mahasiswa Muslim Di IPT

- Hasna B., Baharuddin, A.S. and Mustari, M.I. (2015). *Kefahaman Ibadat Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka*. Tesis Sarjana Falsafah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Penerbit UTM Press.
- Ismail, N., Bakar, N.H., Majid, M.A. dan Kasan, H. (2019). *Pengamalan Hidup Beragama dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia*, al Irsyad; Journal of Islamic and Contemporary Issues, Vol. 4, No 2, Kolej Universiti Islam Selangor.
- Kadi, T., & Awwaliyah, R. (2017). Inovasi Pendidikan: Upaya Penyelesaian Problematika Pendidikan Di Indonesia. *Jurnal Islam Nusantara*, 1(2).
- Masduki, H., Siha Abdurrahman, M. P., & Permana, A. (2021). *Mengasah Jiwa Kepemimpinan: Peran Organisasi Kemahasiswaan*. Penerbit Adab.
- Mulyasana, H. D. (2020). *Khazanah Pemikiran Pendidikan Islam: Dari Wacana Lokal hingga Tatanan Global*. Cendekia Press.
- Purwanto, Y., Qowaid, Q., & Fauzi, R. (2019). Internalisasi Nilai Moderasi Melalui Pendidikan Agama Islam di Perguruan Tinggi Umum. *Edukasi*, 17(2), 294-708.
- Redha, M.R. (1999). *Tafsir Al-Manar*, Jilid 4: Darul Fikir, Beirut
- Selamat, A. Z., Hanafi, H. F., Salleh, S., Bahari, A. A., Hanapi, M. H. M., & Huda, M. (2020). Enhancing Moral Awareness for Racial Unity Through Islamic and Asian Civilization Course (TITAS): An Empirical Research from Non-Muslim Students' Perspective. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 8(3), 521-530.
- Selamat, A.Z. (2014). *Kajian Kes Penilaian Pelaksanaan Kursus Tamadun Islam Dalam Kalangan Pelajar Bukan Islam Di Politeknik Zon Tengah*, Tesis PhD, USM
- Sobuni, M.A. (1999). *Mukhtasar Ibnu Kathir*, Jilid 1: Darul Sobuni, Kaherah